

01 OCT 2001

Mahathir-Keganasan

PANDANG SERIUS ELEMEN KEGANASAN DI MALAYSIA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 1 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahukan semua penjawat awam memandang serius elemen keganasan yang menular di kalangan kumpulan tertentu di negara ini.

Dr Mahathir berkata berdasarkan apa yang sedang dilalui dunia sekarang, adalah perlu unsur keganasan yang mula menular di negara ini, diberi perhatian serius walaupun ianya kecil.

Beliau berkata elemen keganasan yang menjurus kepada aktiviti "ala pengganas" sudah dapat dilihat di negara ini dengan kejadian luar dugaan seperti rompakan nekad Southern Bank dan pembunuhan bekas anggota Dewan Undangan Negeri Kedah kawasan Lunas Dr Joe Fernandez.

Di Internet pula sudah timbul lakaran idea bahawa tindakan yang sama, seperti insiden rempuhan pesawat ke atas bangunan Pusat Dagangan Dunia di New York dan Pentagon di Washington Amerika Syarikat, akan turut berlaku di Menara Kembar Petronas di sini, katanya.

"Jangan percaya kepada apa yang timbul di Internet," kata Perdana Menteri pada perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri di pusat pentadbiran kerajaan Putrajaya hari ini.

Ucapan Dr Mahathir disiarkan menerusi laman web Bahagian Keselamatan Negara Jabatan Perdana Menteri.

Mengenai peristiwa serangan di Amerika Syarikat, beliau berkata tindakan kumpulan berani mati itu tidak menyelesaikan masalah tetapi semakin rumitkan.

"Hasilnya hari ini dunia berhadapan dengan kemerosotan ekonomi paling dahsyat. Hanya kaedah perundingan sahaja yang dapat menyelesaikan masalah," katanya.

Dr Mahathir berkata kejadian keganasan itu yang kononnya dibuat sebagai "mengajar" negara tertentu hanya akan memberi sebab kepada terhasilnya bibit-bibit yang menjurus kepada kemungkinan berlakunya peperangan.

"Kemerdekaan sesebuah negara akan menjadi taruhan apabila sebuah negara lain menyerang negara lain yang merdeka atas sebab membalas keganasan dan ramai yang tidak berdosa akan menjadi mangsa," kata Perdana Menteri.

-- BERNAMA

AKT AHH RON